

**ISU KEKELUARGAAN DAN SOSIOBUDAYA MASA KINI: PUNCA DAN  
PENYELESAIANNYA BAGI INPUT PELAN PEMBANGUNAN DAKWAH DI MALAYSIA**  
**THE CURRENT FAMILIAR AND SOCIOCULTURAL ISSUE: CAUSES AND ITS SOLUTIONS  
FOR THE DA'WAH DEVELOPMENT PLAN INPUT IN MALAYSIA**

<sup>i</sup>Sharifah Hayaati Syed Ismail, <sup>ii</sup>Salasiah Hanin Hamjah, <sup>iii</sup>Khadijah Binti Mohd Khambali @ Hambali, <sup>iv</sup>A'dawiyah Ismail, <sup>v</sup>Mohamad Zarifi Bin Mohamad Daud, <sup>vi</sup>Amie Sofie Binti Ahmad

<sup>i</sup>Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia  
<sup>ii</sup><sup>iv</sup> Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor Malaysia  
<sup>iii</sup>Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia

<sup>v</sup>Bahagian Penyiaran Jakim, Kompleks Islam Putrajaya, Malaysia

<sup>vi</sup>Pengacara TV Al-Hijrah, Kuala Lumpur Malaysia

### **ABSTRAK**

Perubahan dan perkembangan sosiobudaya (SB) dan kehidupan kekeluargaan (KK) di Malaysia merupakan aspek penting khasnya dalam arus kemajuan yang semakin pesat. Masalah sosial dan kekeluargaan pula masih membimbangkan dan terus meningkat termasuklah penagihan dada, isu moral, ketidakharmonian dalam hubungan keluarga, ketagihan internet, perceraian, seks bawah umur, penderaan dan pengabaian hak. Artikel ini bertujuan mengenal pasti isu SB dan KK tersebut khasnya berdasarkan pengetahuan pakar dan pengamatan pihak yang terlibat dan berkecimpung secara langsung dengan komuniti seperti pasukan keselamatan, ahli agama, penyelidik, motivator, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Artikel ini juga menganalisis punca kepada isu tersebut serta mengenal pasti cadangan penyelesaiannya untuk disarankan kepada agensi Islam sebagai input khasnya dalam merancang pelan atau usaha dakwah yang lebih strategik pada masa akan datang. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan metode temu bual pakar sebagai kelompok sasaran (focus group, FG) dan analisis dokumen. Antara dapatan kajian ini menunjukkan empat isu utama yang berlaku pada masa kini bahkan menjadi kebimbangan umum adalah gejala sosial, penyalahgunaan gajet dan ketagihan siber, tekanan mengurus keluarga dan kerjaya, warga emas dan anak OKU serta keluarga jarak jauh atau keluarga komuter (commuter family). Beberapa punca dan cadangan telah dikemukakan oleh kumpulan pakar tersebut termasuklah pengukuhan akidah, akhlak dan syariah serta ilmu pendidikan keibubapaan secara berterusan.

**Kata Kunci:** Isu sosial dan kekeluargaan, pelan dakwah, agensi Islam, Malaysia

## ABSTRACT

Socio-cultural (SC) changes and development, and family life (FL) in Malaysia are important aspects especially in this fast-moving era. Social and family problems are still alarming and continuously increasing including drug addiction, moral issues, disharmony in family relation, internet addiction, divorce, underage sex, abuse and neglect of rights. This article aims to identify the issues of SC and FL that are happening particularly according to experts and observation from parties whom directly involved in communities such as security forces, religious members, researchers, motivators, government agencies and non-governmental organisations. This article also analyzes the cause of the issues as well as identifying proposed solutions to be advised to Islamic agencies as inputs especially in planning strategic da'wah plans or efforts in the future. The study was conducted qualitatively using expert interview methods as focus groups (FG) and document analysis. Among the findings showed that the four main issues occurred nowadays that are becoming public concerns, which are social problems, gadget abuse and cyber addiction, stress of managing families and careers, senior citizens and disabled children as well as long distance or commuter families. Several causes and recommendations have been presented from the specialist group including providing continuous strengthening of faith, morals and sharia as well as parenting education knowledge.

**Keywords:** Social and family issues, da'wah plans, Islamic agencies, Malaysia.

## PENGENALAN

Budaya menghisap rokok diburukkan lagi dengan kehadiran vape yang turut menggalakkan kanak-kanak untuk ikut mencuba. Hal ini dibimbangi boleh menjadi punca kepada ketagihan arak, dadah, pil khayal dan sebagainya dalam kalangan anak muda. Pada peringkat remaja dan belia pula, gejala-gejala sosial lebih membimbangkan. Gajet menjadikan golongan muda bersifat antisosial kerana gajet membolehkan mereka berinteraksi dengan sesiapa sahaja di mana berada dan pada bila-bila masa. Gejala ini menyumbang kepada pembangunan karakter individualistik dalam kalangan golongan belia. Interaksi secara maya lebih menghiburkan berbanding secara fizikal dan bersemuka. Interaksi maya ini turut menyumbang ke arah masalah sosial yang lebih parah iaitu isu berpacaran dalam kalangan remaja yang membawa ke arah zina termasuk hubungan seks bawah umur. Seterusnya masalah ini berlarutan kepada isu pembuangan bayi yang semakin tidak terkawal dari sehari ke sehari. Pada peringkat dewasa pula, isu rumah tangga menjadi fokus perbincangan. Kadar penceraian yang semakin meningkat menunjukkan hubungan kekeluargaan yang amat rapuh. Faktor utama penceraian yang menjadi perhatian adalah kurangnya persefahaman antara pasangan dan juga masalah ekonomi keluarga. Isu lain yang diketengahkan adalah keganasan rumah tangga serta kes isteri terpaksa menanggung keluarga kerana suami tidak bertanggungjawab semakin banyak kedengaran (Noor Syaibah et al. 2016; Abe Sohpian et al. 2014). Pada peringkat warga emas, isu-isu berkaitan penjagaan mereka menjadi fokus

utama. Hal ini kerana ramai anak-anak tidak dapat menjaga ibu dan bapa yang telah tua. Ramai dalam kalangan warga emas mengalami kemurungan dan sindrom sarang kosong (syndrome empty nest) yang semakin meningkat setiap hari walaupun di negara maju (Siti Marziah et al. 2013). Perkara ini membimbangkan kerana Malaysia menuju ke arah negara memiliki warga tua yang ramai pada tahun 2030. Penjagaan golongan orang kurang upaya (OKU) turut menjadi isu utama dalam perbincangan. Hal ini kerana ramai OKU tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya. Oleh kerana penjagaan warga OKU memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi serta komprehensif, ramai ibu bapa melepaskan penjagaan kepada pihak ketiga seperti JKM maupun badan bukan kerajaan (NGO) orang bukan Islam serta pihak gereja. Penjagaan yang kurang sempurna turut mengakibatkan ahli keluarga menjadi depresi serta golongan OKU ini tidak mampu dibimbing untuk berdikari pada masa hadapan. Artikel ini bertujuan menganalisis pelbagai isu berkaitan sosiobudaya dan kekeluargaan serta mengenal pasti cadangan penyelesaiannya sebagai input kepada agensi Islam khasnya dalam merancang pelan atau usaha dakwah yang lebih strategik. Artikel ini telah dihasilkan melalui kajian yang dijalankan menggunakan metode secara kualitatif melalui temu bual pakar sebagai kelompok sasaran (focus group, FG) yang dijalankan dalam bentuk perbincangan ‘eja Bulat’ atau Round Table Discussion (RTD) selain menggunakan metode analisis dokumen. Seramai 24 ahli berkepakaran dalam pelbagai bidang dan yang berkecimpung secara langsung dengan komuniti telah dikenal pasti. Seramai 17 orang telah hadir dalam dua sesi RTD. Mereka terdiri daripada ahli akademik, pakar motivasi, pemimpin masyarakat, anggota keselamatan, ahli badan bukan kerajaan, pemimpin belia dan pemimpin politik. Kajian ini juga telah menggunakan metode dokumentasi iaitu dengan merujuk kepada beberapa dokumen penting seperti Dasar Dakwah Negara (2015-2019), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) (2020-2030), Pelan Strategik Yayasan Dakwah Islamiah dan Pelan Intervensi Kluster Agensi Agama Persekutuan (2019-2025). Data yang diperolehi daripada FG ditranskrip dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo.

## SOROTAN LITERATUR

### **I) Isu Gejala Sosial Dalam Kalangan Remaja.**

Beberapa penulisan lalu telah banyak memerihalkan isu sosiobudaya dan juga kekeluargaan. Antara yang sering menjadi perhatian adalah gejala sosial dalam kalangan remaja. Menurut Siti Norul Huda et al. (2018), remaja adalah kumpulan yang paling mudah terjebak dengan gejala sosial lebih-lebih lagi jenayah. Mereka mudah terpengaruh untuk melakukan perbuatan jenayah akibat dari pengaruh media sosial, persekitaran semasa maupun rakan sebaya. Manakala menurut Ma Razhanlaily dan Salasiah (2017), masalah remaja merujuk kepada perbuatan dan aktiviti remaja yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama, seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada ibu bapa dan seumpamanya (kes juvana). Masalah ini

dianggap sebagai kenakalan remaja kerana orang terlibat masih belum matang (belum dewasa). Perlakuan jenayah yang dibuat oleh mereka tidak dikenakan hukuman berat. Mereka melakukan kesalahan-kesalahan ini sama ada secara sedar atau tidak sedar, tanpa berfikir panjang tentang kesan tindakan mahupun penglibatan mereka dalam aktiviti sebegini (A'dawiyah et al. 2018).

Peranan ibu bapa menjadi faktor utama penglibatan remaja dalam isu gejala sosial. Dalam konteks ini, komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dan gembira antara remaja dengan ibu bapa. Kajian Aziyah (2015) menyatakan bahawa pola komunikasi keluarga banyak membawa sengketa dalam hubungan remaja dengan ibu bapa tidak kira remaja lelaki atau perempuan. Golongan remaja menggunakan strategi konflik dan persengketaan dengan ibu bapa dalam menguruskan konflik antara mereka. Peranan seorang bapa sebagai ketua kepimpinan keluarga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan sewajarnya menjadi modal peranan (role model) kepada isteri dan anak-anak. Namun demikian, pelbagai krisis dan konflik yang berlaku dalam rumah tangga dan kekeluargaan melibatkan isu personaliti bapa seperti panas baran, sumbang mahram, penderaan, pengabaian nafkah dan sebagainya (Izzah Nur Aida & Salasiah 2015). Peranan wanita pula yang dilihat sebagai agen sosialisasi utama dalam keluarga selepas suami, kini telah dicabar dengan perubahan nilai dan norma dalam kalangan wanita mempunyai pendidikan yang baik serta penglibatan dalam sektor pekerjaan yang mencabar. Kesan kedua- dua faktor ini, wanita kini lebih moden dan mengutamakan kehidupan sedemikian yang menuntut mereka untuk mengimbangi peranan sebagai isteri, ibu dan pekerja. Pertambahan jumlah wanita dalam bidang pekerjaan di Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar menuju negara maju, memberi impak terhadap kestabilan institusi keluarga dalam melahirkan modal insan yang berkualiti (Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff & Muhammad Adnan 2017).

## **II) Isu Keluarga Komuter; Ketidakseimbangan Tanggungjawab Antara Keluarga dan Kerjaya.**

Faktor ibu bapa ini berkait rapat dengan situasi keluarga komuter yang semakin berkembang dalam kalangan rakyat negara ini. Kebanyakan suami dan isteri mempunyai pekerjaan masing-masing dan jarak antara tempat kerja mereka adalah jauh, maka perhubungan jarak jauh menjadi pilihan yang seterusnya membentuk keluarga komuter ini (Adriana, Haslinda & Samsilah 2014). Istilah keluarga komuter boleh didefinisikan sebagai fenomena pasangan telah berkahwin yang bersetuju untuk mempunyai kerjaya masing-masing dan mengekalkan kediaman di dua lokasi geografi yang berbeza serta terpisah sekurang-kurangnya selama 3 malam dalam seminggu (Siaw et al. 2018). Kekurangan masa bersama ahli keluarga akibat terjadinya keluarga komuter mempengaruhi fungsi sistem keluarga khususnya kepada perkembangan tumbesaran anak-anak (Siaw et al. 2014).

Selain itu, kurangnya perhatian dan penglibatan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak membuka ruang kepada pengaruh rakan sebaya yang tidak sihat serta mewujudkan sikap antisosial dalam

kalangan remaja hari ini (Haslinda et al. 2015). Menurut Sharifah Hayaati (2017), cabaran menguruskan keluarga dan kerjaya di alaf baru memerlukan kepada strategi atau pendekatan yang bersepadan antara kaedah moden dan juga agama. Pelbagai cara berbentuk dasar dan sistem telah dikenal pasti untuk mengimbangkan antara dua tanggungjawab besar ini termasuklah polisi kerja, agihan kerja, waktu anjal, pusat penjagaan anak di tempat kerja, kemahiran keibubapaan, sokongan suami dan ahli keluarga serta pembangunan sahsiah dan kerohanian. Tiga gabungan pendekatan yang bersifat kerohanian, nilai dan sistem Islam yang dinamakan sebagai Pendekatan al-tadayyun, al-maqasid dan al-wasatiyyah dica dicadangkan sebagai strategi dan panduan ke arah keseimbangan keluarga dan kerjaya secara Islam.

### **III) Isu Penyalahgunaan Gajet dan Media Sosial**

Faktor pengaruh media massa dan juga media sosial turut menyumbang kepada isu- isu sosiobudaya dan kekeluargaan. Dewasa ini kemajuan teknologi informasi yang menuju ke arah globalisasi komunikasi cenderung berpengaruh langsung terhadap tingkat peradaban masyarakat dan bangsa. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi. Melalui media massa yang semakin banyak berkembang memungkinkan informasi menyebar dengan mudah kepada masyarakat. Informasi dalam bentuk apa sekalipun dapat disebarluaskan dengan mudah dan cepat sehingga mempengaruhi corak pandangan, gaya hidup, serta budaya suatu bangsa (Sohana 2016). Menurut Jamiah et al. (2016), media sosial pula menjadi medium utama pembelajaran dan perhubungan interpersonal masa kini.

Bagaimanapun, penggunaan media sosial yang tinggi turut memberikan implikasi yang buruk kepada remaja sekiranya berlaku penyalahgunaan serta pengurusan media sosial yang lemah. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memastikan mereka mempunyai kecerdasan digital yang tinggi dan bersikap telus dengan anak-anak sebelum memberikan mereka kebebasan untuk menggunakan media sosial. Pendidikan dan pemantauan yang ketat perlu diberikan sebaik sahaja ibu bapa mendedahkan anak-anak kepada media sosial. Gejala ketagihan media sosial pula perlu dikenal pasti dan dirawat dengan segera untuk menghindari situasi yang lebih buruk berlaku. Perkara yang penting adalah memastikan media memainkan peranan yang positif dalam usaha membentukkan salah faham, menyampaikan kebenaran dan seterusnya membentuk komuniti yang bersatu padu biarpun berbeza pandangan dan agama (Azarudin & Khadijah 2015).

### **IV) Isu Tanggungjawab Penjagaan Warga Emas & Anak Kurang Upaya (OKU)**

Penjagaan warga emas turut menjadi salah satu isu kritikal dewasa kini. Analisis menunjukkan bahawa warga emas di Malaysia terlalu bergantung kepada sokongan keluarga mereka dan sokongan kerajaan di mana ini bertentangan dengan budaya barat yang lebih berdikari. Kesan keprihatinan yang melampau dan perhatian daripada keluarga juga kerajaan, kita gagal menyediakan mereka untuk menjadi lebih berdikari pada masa hadapan (Ramlan 2016). Timbul juga isu dilema antara tanggungjawab dan beban yang terpaksa dipikul oleh penjaga. Hal ini turut memberi implikasi negatif,

baik kepada penjaga mahupun warga tua sebagai penerima jagaan. Walaupun menjaga warga tua seperti ibu bapa atau pasangan yang sakit atau uzur merupakan satu tanggungjawab yang mesti dipikul tetapi pada masa sama penjaga berasa terbeban akan tanggungjawab tersebut (Suridah & Rahimah 2018). Hasil kajian Nurhayati et al. (2017) menunjukkan pula warga emas di institusi kebajikan kurang menerima sokongan sosial intergenerasi daripada anak atau waris. Majoriti melaporkan hubungan mereka dengan anak-anak dan waris semakin renggang malah ada antaranya yang terputus hubungan setelah mereka berpindah masuk ke institusi kebajikan awam.

Cabarannya penjagaan anak-anak kurang upaya juga antara isu kritikal yang patut diketengahkan pada hari ini. Malaysia adalah sebuah masyarakat kolektif yang menekankan kepada penyatuan dan rasa kekitaan kepada keluarga. Kajian Aizan Sofia, Jamiah dan Noremy (2016) menunjukkan kebanyakan wanita bergantung kepada keluarga untuk mendapat penjagaan dan sokongan, ramai dalam kalangan mereka terpaksa tinggal berjauhan daripada keluarga akibat pelbagai faktor termasuk ketiadaan bantuan kebajikan menyediakan rumah, pendidikan dan latihan yang boleh diakses. Ini menyebabkan mereka mengalami pengasingan fizikal dan psikologi daripada ahli keluarga mereka sendiri. Konflik keluarga juga timbul akibat daripada kesan ketidakupayaan, persaingan adik-beradik dan bebanan emosi dalam keluarga. Kajian ini membuktikan bahawa sokongan terhadap kanak-kanak kurang upaya dan keluarga mereka amat sedikit dan selalunya tiada.

Manakala beban kewangan ditanggung oleh ibu bapa bagi menjaga anak yang mengalami sindrom cerebral palsy iaitu gangguan kebolehan kanak-kanak mengawal kedudukan dan pengaktifan badan disebabkan kerosakan pada otak amatlah tinggi berbanding bantuan-bantuan yang disediakan seperti bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun zakat melalui institusi agama (Sazlina et. al 2018). Pihak berwajib diharap dapat menyediakan sistem sokongan kepada ibu bapa sama ada daripada sudut kewangan, fasiliti mahupun perubatan bagi mengendalikan golongan anak istimewa ini. Selain daripada itu, isu kekurangan tenaga pengajar untuk golongan kelainan upaya turut perlu diberi perhatian. Hal ini kerana anak-anak istimewa ini menghadapi kesukaran dalam aspek pembelajaran disebabkan tahap kehidupan mereka berbeza dengan kanak-kanak normal daripada sudut kemahiran sosial, perlakuan mahupun masalah deria rasa mereka. Kajian terhadap profil kanak- kanak OKU ini perlu dilakukan dengan lebih mendalam supaya rakyat Malaysia dapat memahami dan turut membantu guru-guru mereka untuk mengajar dengan lebih baik di sekolah (Yusniza et.al. 2018).

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Beberapa isu sosiobudaya dan kekeluargaan telah diketengahkan dalam perbincangan bersama FG. Analisis terhadap perbincangan ini telah dibahagikan kepada empat perkara utama sebagaimana yang diperolehi melalui analisis literatur di atas. Isu yang melibatkan gejala sosial remaja; penggunaan gajet dan media sosial; keluarga komuter serta keseimbangan kerjaya dan keluarga; penjagaan warga emas dan anak Orang Kurang Upaya (OKU). Perbincangan tertumpu kepada isu terkini, punca dan cadangan penyelesaiannya.

### **Punca Berlaku Isu SB & KK**

Sebelum sesuatu pelan dakwah dilakukan, adalah sangat penting untuk sesebuah agensi itu memahami apakah punca utama berlakunya permasalahan kepada isu sosiobudaya dan kekeluargaan tersebut. Hasil perbincangan dengan FG, sebelas faktor utama yang menjadi punca kepada isu-isu SB & KK tersebut telah dikenal pasti iaitu;

Pertama, faktor hubungan kekeluargaan yang rapuh. Anak-anak dan ibu bapa tidak mempunyai ikatan atau bonding yang cukup kuat. Ibu bapa kurang memberi perhatian dan masa untuk anak-anak mereka. Hal ini menyebabkan anak-anak mencari perhatian dan kasih sayang pada tempat mahupun pihak yang tidak sepatutnya seperti kepada rakan sebaya mahupun tempat-tempat hiburan. Antara yang membimbangkan adalah dalam kalangan keluarga di Program Perumahan Rakyat (PPR). Menurut ahli FG, ‘Masalah di mana-mana PPR hampir sama iaitu keluarga yang kurang bahagia. Contohnya ketua keluarga tidak memberi nafkah dan ketagih dadah’.

Bahkan faktor kedua adalah sikap tanggungjawab ibu bapa untuk memikul amanah mendidik anak-anak turut dibincangkan kerana terdapat kes ibu bapa melepaskan jagaan anak-anak kepada pihak lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana menganggap mereka sebagai bebanan. Faktor ketiga yang dikenal pasti adalah kerana ketagihan gajet dan media sosial dalam kalangan remaja ekoran ledakan teknologi khasnya dengan perkembangan industri IR 4.0.

Malah, ibu bapa juga didapati mengalami ketagihan gajet dan media sosial sehingga sanggup menghabiskan masa dengan gajet berbanding dengan anak-anak. Menurut ahli FG, punca ketagihan gajet telah menyebabkan timbulnya isu antisosial.

Katanya, “Isu antisosial pula banyak melibatkan mahasiswa tidak mahu keluar dari bilik, kerana dunia mereka dengan gajet, menjadikan mereka susah untuk turun padang khususnya melibatkan aktiviti kesukarelawanan. Akibatnya, terjadilah gap generation”.

Pandangan ahli FG yang lain mengatakan, ‘Isu-isu yang terjadi tidak boleh lari dari faktor kemunculan IR 4.0 yang berlaku dengan terlalu pantas. Pandangan yang berbeza antara dua generasi

contohnya remaja tidak memandang sebagai suatu kesalahan tetapi bagi golongan baby boomers ia bersifat antisosial”.

Faktor ini adalah disebabkan oleh cabaran maya (virtual challenge). Akibat kepesatan perkembangan dunia seperti Revolusi Industri 4.0 dunia menjadi terlalu pantas bergerak tanpa disedari dan masyarakat belum ada persediaan menghadapinya. Pengaruh media sosial seperti di Facebook, Instagram dan sebagainya lebih banyak menjadikan remaja hidup dalam khayalan dan terdedah dengan mencuba perkara-perkara baharu termasuk yang tidak bermoral. Media sosial menjadikan golongan muda malah kanak-kanak terdedah kepada pelbagai perkara secara lebih ke depan (advanced) sedangkan mereka tidak bersedia dari segi fizikal maupun mental. Bahkan golongan dewasa turut terlibat dengan gejala tidak bermoral melalui media sosial seperti ketagihan pornografi, seks bebas dan sebagainya.

Menurut ahli FG, “berdasarkan data, sebenarnya ia berkisar tentang virtual challenge. Masalah adab dan budaya juga berpunca daripada situ. Contohnya k-pop dan k-drama menjadi satu industri merentas negara dan secara tidak langsung mempengaruhi isu-isu seperti bunuh diri. Contoh lain, makanan post cultural seperti Tealive menjadi budaya dan ianya mahal. Virtual challenge bukan sahaja dalam kalangan remaja, orang tua juga terlibat seperti WeChat. Mereka boleh berbincang perkara lucu malah melibatkan ustaz-ustaz selebriti. Dakwah kita harus go through this matter. Kita juga sibuk empower women, but how about men? Anak-anak membesar yang menjadikan ayah sebagai role model akan membentuk anak yang mempunyai karakter yang sangat bagus. Pornografi juga dilihat oleh orang tua, malahan pasangan suami isteri”.

Faktor keempat, faktor ekonomi dan sara hidup turut menjadi topik perbincangan. Hal ini kerana keperluan ekonomi semasa dan perbelanjaan bagi menguruskan keluarga amat tinggi. Justeru, pasangan ibu bapa perlu bekerja. Ini menyebabkan masa bersama anak-anak menjadi terhad. Faktor kelima pula ialah isu keluarga komuter (commuter family) atau keluarga jarak jauh melibatkan suami dan isteri bekerja di daerah yang berbeza. Akibat tuntutan kerja menyebabkan ikatan antara anggota keluarga menjadi lemah. Selain itu, isu commuter family ini turut menyumbang kepada faktor peningkatan masalah kesihatan mental seperti depresi kerana berjauhan dengan pasangan dan terpaksa menguruskan keluarga berseorangan. Pandangan ahli FG mengatakan, “Isu cikgu kurang bermotivasi adalah disebabkan berjauhan dengan pasangan mengakibatkan mereka mengajar tanpa jiwa. Ini juga berkait rapat dengan faktor ekonomi keluarga, cabaran ekonomi semasa. Ini juga adalah faktor-faktor tidak langsung yang menyumbang kepada peningkatan gejala sosial.”

Faktor kelima, adalah isu keseimbangan kehidupan antara keluarga, kerja dan kehidupan (work life family balance). Berlakunya kerapuhan institusi kekeluargaan pada hari ini banyak disebabkan oleh ketidakupayaan memenuhi faktor ini. Masa ibu bapa untuk anak-anak terpaksa dikorbankan dengan bekerja demi memenuhi tuntutan keperluan ekonomi. Bahkan hubungan peribadi antara pasangan suami

isteri turut bermasalah diakibatkan oleh masa dan perhatian yang lebih diberikan kepada tuntutan kerja. Hal ini menyumbang kepada faktor seterusnya iaitu kurangnya komunikasi yang akhirnya menyebabkan perselisihan faham. Tuntutan kerja bukan sahaja melibatkan waktu bekerja 8 pagi hingga 5 petang, namun turut dibawa selepas pulang ke rumah mahupun pada waktu cuti.

Faktor ketujuh pula berkait rapat dengan penjagaan warga emas. Golongan muda pada hari ini kurang rasa kebertanggungjawaban dalam menjaga orang tua mereka. Sebahagian menganggap menjaga ibu bapa sebagai bebanan sama ada dari segi masa, tempat tinggal dan juga kewangan. Menurut pandangan ahli FG;

“Kita dalam persediaan menjadi negara tua pada tahun 2030, komitmen anak-anak untuk menjaga ibu bapa makin rendah, sebab kemampuan faktor ekonomi. Akibatnya, mereka tidak merasakan fizikal mahupun mental attachment untuk berada bersama ibu bapa mereka. Hal ini bertitik tolak juga daripada hubungan atau bonding yang dibina oleh ibu bapa terhadap anak-anak semasa di usia muda mereka dahulu’. Menurut pandangan ahli FG lagi, ‘Malaysia menuju ke arah negara tua. Inisiatif intervensi yang boleh dilakukan adalah dari segi penjagaan dan memperkasa warga emas”.

“Saya setuju warga emas diperkasakan. Pengalaman mereka digunakan untuk golongan muda. Tetapi banyak cabaran dalam penjagaan warga emas seperti warga emas dari keluarga B40 (mengalami masalah kewangan terutama warga emas terlantar sakit) dan terdapat juga isu ibu dan ayah yang hendak tinggal sendiri’.

“Warga emas mengalami symptom empty nest, perlukan perhatian, pusat jagaan JKM mungkin boleh diperhebatkan”.

“Inspirasi dari Poland, mereka menyatukan warga emas dan anak yatim untuk mengatasi sindrom kesunyian warga emas dan kurang kasih sayang oleh anak-anak yatim”.

Dengan ini, perbincangan tentang konsep berbuat baik kepada ibu bapa (birr walidain) dicadangkan agar perlu diteruskan dalam program dakwah.

Faktor terakhir melibatkan penjagaan ahli keluarga daripada golongan kurang upaya (OKU). Oleh kerana penjagaan OKU melibatkan keperluan kewangan yang sangat besar, ramai ibu bapa menganggap anak-anak OKU sebagai bebanan. Ramai melepaskan tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak OKU ini kepada pihak ketiga seperti JKM kerana tidak mampu khususnya dalam kalangan keluarga B40. Bahkan terdapat ibu bapa yang mengalami masalah kesihatan mental, depresi dan rasa ingin membunuh diri akibat bebanan yang ditanggung ini. Menurut pandangan ahli FG; “Untuk ibu bapa yang mempunyai anak OKU, mempunyai cabaran kewangan yang sangat tinggi bagi tujuan penjagaan dan pendidikan.

“Ada ibu bapa bercakap tentang suicide, ambil pil khayal, depression dan sebagainya. Kemudian masa hadapan anak OKU ini bagaimana. We need to make them independent, boleh bekerjasama dan menanggung diri sendiri”.

### Cadangan Penyelesaian

Berdasarkan kepada dapatan berhubung punca bagi isu SB & KK, dua teras dan tiga inisiatif pendekatan telah dikenal pasti sebagai input penyelesaian. Iaitu melalui pendekatan dakwah yang boleh dilakukan khasnya oleh agensi Islam sebagai perancangan dalam aktiviti pembangunan. Dua teras tersebut ialah teras agama dan teras Pendidikan. Bagi teras agama, ia mengandungi 3 sub-pecahan iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga sub-pecahan ini sekaligus adalah faktor yang menentukan penghayatan beragama dalam hidup seorang Muslim.

Manakala teras kedua ialah teras pendidikan. Teras pendidikan pula dibahagikan kepada empat sub-pecahan iaitu pendidikan keibubapaan, ilmu kekeluargaan, ilmu pemerkasaan tanggungjawab dan ilmu kemahiran komunikasi. Pertama, ilmu keibubapaan. Ia amat penting buat pasangan ibubapa dalam mendidik anak-anak mereka khususnya dalam pembinaan karakter mereka menuju ke alam dewasa. Ilmu ini juga akan menyebabkan ikatan yang kuat sesama ahli keluarga terbina. Ilmu ini juga boleh membuatkan anak-anak lebih bersedia dalam aspek penjagaan ibubapa pada usia tua mereka di kemudian hari.

Kedua ialah ilmu pendidikan rumah tangga. Ilmu rumah tangga ini juga penting buat pasangan dalam mengharungi cabaran rumah tangga. Cabaran termasuk daripada segi masa, jarak perhubungan serta kewangan boleh menjadi masalah besar sekiranya tiada pengalaman mahupun persediaan yang baik untuk menghadapinya. Ketiga ilmu pemerkasaan golongan lelaki dan wanita agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab rumah tangga dan kerjaya dengan baik. Manakala keempat ialah ilmu komunikasi rumah tangga. Cabaran terbesar buat pasangan adalah dengan dalam mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Kemahiran ini membolehkan pasangan saling memahami antara satu sama lain selain membantu mengelakkan sebarang perselisihan faham daripada terjadi.

Manakala cadangan bagi langkah penyelesaian pula kumpulan FG telah menyarankan tiga langkah pendekatan iaitu langkah preventif, intervensi dan korektif.

Pertama, yang melibatkan langkah preventif dan intervensi ialah pengukuhan penghayatan agama dan akhlak. Iaitu dengan memberikan ilmu akidah yang berterusan kepada masyarakat antaranya bagi memberikan kefahaman berterusan tentang agama, nilai akhlak dan apa yang dimaksudkan sebagai hak asasi dalam ajaran Islam. Selain bertujuan membendung remaja daripada terjebak dengan isu menolak konsep ketuhanan (athies), keluar agama dan LGBTQ.

Menurut ahli FG, “Salah satu faktor utama isu ini ialah mereka tidak memahami Islam yang sebenar, bertitik tolak mereka bertanya tentang Islam pada orang yang salah. Lalu mereka taksub pula pada guru mereka dan menyalahkan ahli kebenaran”.

Menurut ahli FG, “Saya melihat kes-kes di JKM, pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan agama sangat penting. Dan apa yang lebih parah lagi hak kemanusiaan, anak-anak remaja melihat hak-hak mereka berdasarkan lojik semata acuan Barat. Sebagai contoh banyak idola remaja dari kalangan pemain bola sepak mahupun artis. Kita sebagai agensi kerajaan patut berperanan mengalihkan kepada nilai-nilai Islam”.

Kumpulan FG juga menyarankan pengukuhan agama melalui penekanan terhadap kempen ibadah solat lima waktu. Penjagaan solat lima waktu amat penting kerana sebagai individu Muslim, selain ia adalah tiang agama yang wajib ditunaikan, solat dapat membantu mencegah segala bentuk kemungkaran. Solat lima waktu juga adalah langkah paling awal yang boleh diambil bagi membentuk karakter individu dan remaja Muslim yang baik seperti penjagaan masa, penjagaan hubungan antara hamba dan Pencipta serta sesama manusia, penjagaan kebersihan dan sebagainya. Pandangan dari ahli FG mengatakan, “Perkataan yang sangat praktikal, bagaimana untuk meningkat peratusan muslim di Malaysia solat 5 waktu. Sebab mengikut kajian hanya kurang daripada 70% rakyat Muslim di Malaysia menjaga solat 5 waktu. Kebanyakan punca masalah sosiobudaya dan kekeluargaan berasal dari situ”.

Keduanya, mewujudkan kehidupan berkeluarga yang harmoni. Menurut pandangan ahli FG; “Apabila rumah tangga harmoni, auranya sungguh cantik untuk semua ahli keluarga. Saya selalu pesan pada suami, supaya masuk ke rumah dengan senyuman dan bismillah insyaAllah akan bahagia rumah tangganya. Punca isu sosiobudaya dan masyarakat ialah keluarga tidak harmoni”.

Bagi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pendekatan yang ditekankan adalah nilai kasih sayang. Menurut ahli FG, “LPPKN tekankan nilai kasih sayang”.

Ketiganya, pendidikan berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan. Sebagai pasangan ibu dan bapa perlu bersama-sama dalam mendalami ilmu pengurusan rumah tangga merangkumi kemahiran berkomunikasi, pengurusan kewangan, pendidikan awal anak-anak dan sebagainya. Pendekatan ini perlu ditekankan kerana persediaan pasangan bagi menghadapi alam selepas perkahwinan amat mencabar.

Menurut ahli FG, ‘LPPKN percaya apa-apa yang yang boleh ditambah baik perlu bermula daripada keluarga itu sendiri. Kebertanggungjawaban ibu bapa semakin berkurang’. Menurut pandangan FG yang lain, ‘golongan gangster kebanyakannya berasal dari broken family yang mencari perhatian’. Ini memerlukan semakan dan penambahbaikan silibus dan tempoh kursus perkahwinan di Malaysia. Menurut pandangan FG yang lain, “Aspek kursus perkahwinan kita masih belum lengkap,

perlu dibaiki dan ditambah baik. Pengajar modul kursus kurang serius dalam pengajaran, lebih ketengahkan aspek keseronokan berumahtangga semata-mata”.

Pasangan ibu bapa juga perlu berusaha dalam meningkatkan ekonomi keluarga bagi mencapai work life family balance.

Selain itu, langkah intervensi ketiga ialah dengan memperkasakan peranan suami dan bapa sebagai pemimpin rumah tangga dengan program yang bersesuaian untuk mereka. Ahli FG antaranya berpendapat, “Konteks empower men pula tidak boleh berbentuk ceramah semata, kerana golongan lelaki lebih cenderung kepada perkara-perkara yang kepada menunjukkan kegagahan, kebapaan untuk lelaki”.

“Lelaki suka perkara yang melibatkan fizikal dan aktiviti-aktiviti bersifat challenge”.

“Kalau ikut kajian LPPKN, keluarga komuter akan bertambah, hubungan jarak jauh banyak terjadi sedangkan anak-anak yang sedang membesar memerlukan bapa. Kecenderungan anak yang mempunyai bapa untuk nakal adalah rendah”.

Langkah intervensi keempat adalah dengan melindungi warga emas. Menurut ahli FG, “Malaysia menuju ke arah negara tua. Inisiatif intervensi yang boleh dilakukan adalah dari segi penjagaan dan memperkasa warga emas”.

Langkah intervensi penting seterusnya ialah dengan menjadikan komuniti masyarakat dan setempat sebagai kumpulan sokongan (support group) kepada keluarga bermasalah. Menurut pandangan ahli FG, “kebanyakan daripada kita adalah keluarga muda dan perlu suatu support group yang berterusan. Kita perlu buat modul sokongan komuniti”.

Dalam hal ini, pemerkasaan institusi masjid boleh menjadi pusat jaringan komuniti setempat bagi menjaga hal ehwal ahli masyarakat. Menurut ahli FG, ‘institusi masjid dan surau perlu berperanan menarik anak muda’.

“Saya juga berpendapat kita perlu pemuaafakan orang Islam dalam mengukuhkan institusi masjid tanpa bayangan politik. Kerana perpaduan masyarakat kita semakin rapuh”.

“Masjid dan surau kena diperkasakan menjadi suatu tempat penjagaan wargaemas”.

Selain itu dicadangkan juga untuk mewujudkan pusat kaunseling, perawat Islam dan juga pendakwah di tempat-tempat awam yang strategik. Cadangan ini diutarakan oleh ahli FG sebagaimana berikut;

“Saya dapati Negeri Sembilan mempunyai suatu model yang sangat hebat dalam membantu isu sosiobudaya dan kekeluargaan. Mereka memulakan pusat kaunseling pertama di pasaraya. Kini mereka ada 70 pusat kaunseling di seluruh negeri. Cuma 17 orang kaunselor namun mereka berkolaborasi

dengan pelbagai associate mereka. Pusat kaunseling ini di bawah Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan kelolaan Jabatan Kaunseling dan Infrastruktur Ras. Ini contoh konkret yang telah dibuat dan berjaya dan patut di dilaksanakan di seluruh negara”.

“Pusat kaunseling, pusat rehab dan hospital perlu ada perawat Islam”. Manakala bagi membantu golongan OKU, bilangan para ustaz dan ustazah yang mempunyai kemahiran berbahasa isyarat perlu ditambah bagi membantu anak-anak ini. Ini bertujuan supaya dakwah dan pendidikan Islam sampai kepada mereka dengan secukupnya sejak dari awal usia. Menurut seorang ahli FG yang merupakan aktivis bagi memberikan perkhidmatan kepada OKU dan mempunyai dua orang anak OKU berpandangan;

“Kita kekurangan tenaga pengajar dalam kalangan warga ustaz dan ustazah untuk golongan OKU yang boleh berbahasa isyarat. Kerana pendidikan kerohanian adalah berbentuk abstrak, the more abstract it is, the more difficult it is to sign. Sign itu tidak sampai. Contoh kadar aids dalam kalangan OKU pekak di Afrika adalah tinggi kerana mesej mengenai aids tidak sampai kepada mereka”.

Kelima, langkah korektif ketagihan gajet. Ia perlu diatasi oleh semua pihak. Ketagihan gajet ini berlaku kepada semua golongan sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa maupun warga tua. Limitasi penggunaan perlu diwujudkan kerana tidak dapat dinafikan banyak gejala sosial berpunca daripada gajet dan media sosial.

Keenam, langkah korektif melalui pendekatan undang-undang terhadap gejala sosial. Pihak kerajaan dan pihak berkuasa perlu lebih proaktif dalam merangka undang-undang bagi membendung gejala sosial. Contohnya hukuman terhadap penagihan dadah, jenayah buang anak dan seks bawah umur perlu diperhalusi supaya golongan muda merasa takut untuk melibatkan diri. Selain kaedah preventif melalui program kesedaran terhadap hukuman yang boleh dikenakan ke atas kesalahan tersebut. Pihak kerajaan perlu meningkatkan pendedahan kepada golongan muda mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan gejala sosial serta hukuman terhadap penglibatan dalam gejala-gejala tidak sihat ini. Ini merangkumi penyediaan syllabus pendidikan mengenai isu-isu SB dan KK serta pelaksanaan undang-undang yang berkaitan bagi membendung sebarang salah laku gejala sosial.

Keseluruhan langkah ini dituntaskan oleh salah seorang ahli FG sebagai formula akronim K.A.S.I.H. Perinciannya diperlihatkan melalui ungkapan abjad K yang merujuk kepada kerjasama iaitu antara keluarga, komuniti dan kerajaan. Abjad A; melantunkan maksud asingkan remaja bermasalah. Remaja bermasalah akan merosakkan sekolah dan sistem pembelajaran. Pelajar-pelajar bermasalah perlu diasingkan ke sekolah khas. Abjad S pula memberi pemaknaan kuasa super (super power) iaitu melalui penguatkuasaan undang-undang. Abjad I memperjelaskan berkaitan ilmu, iman, integriti. Abjad terakhir H memberi maksud hala tuju iaitu matlamat generasi kita akan datang. Menurut ahli FG; “Saya melihat faktor lain adalah anak-anak tidak merasa bangga dengan kehebatan bangsa Melayu dan Islam. Mereka tidak nampak hala tuju masa depan dan tidak berbangga dengan sejarah ketamadunan sendiri’.

Bagi membentuk pelan pembangunan dakwah, lima strategi pelan pelaksanaan dan pemantauan dakwah telah dikenal pasti untuk dicadangkan dan dilakukan oleh badan-badan dakwah. Pertamanya, penyatuan badan-badan dakwah dalam berkolaborasi turun ke lapangan dakwah bersama masyarakat. Komuniti masyarakat berasaskan satu penghormatan yang besar apabila agensi-agensi kerajaan turun padang dalam menyantuni mereka. Ini termasuk berinteraksi dengan orang bukan Islam. Menurut pandangan ahli FG, ‘Saya melihat dakwah kita tak boleh ketepikan non-muslim (orang bukan Islam), untuk menjadi contoh kepada generasi muda bagaimana interaksi dengan non-muslim (orang bukan Islam), supaya bersifat holistik untuk semua golongan’.


Hal ini dapat membantu golongan sasar dakwah secara holistik serta mengukuhkan perpaduan masyarakat Islam khususnya. Kedua, segala aktiviti dakwah perlu dilaksanakan secara konsisten dan tidak boleh bersifat one-off (sekali beri) semata. Faktor konsistensi ini akan membolehkan perubahan dalam golongan sasar dirasai hasil daripada aktiviti yang dijalankan.

Menurut ahli FG, “Program-program komuniti kena konsisten dan tidak boleh bersifat one off”.

Ketiga, mengenali segmentasi golongan sasar dakwah. Strategi ini penting kerana badan-badan dakwah perlu jelas kepada kelompok sasaran utama bagi aktiviti dakwah yang dijalankan supaya program itu bersesuaian dan berjaya menyampaikan mesej kepada mereka.

Strategi ini juga berkait rapat dengan strategi keempat iaitu pengukuhan konten dakwah dalam media sosial. Mereka perlu lebih kreatif dan proaktif dalam membina konten dakwah melalui media sosial yang dapat menarik minat golongan sasar iniserta memastikan mesej yang ditujukan sampai kepada mereka. Strategi ini perlu diberi penekanan kepada golongan muda yang lebih terdedah kepada media sosial.

Kelima, strategi pemerkasaan warga emas. Peranan warga emas perlu diperkasa dalam hal ini agar bukan sahaja mereka diberi penjagaan dan perhatian yang sewajarnya, bahkan mereka juga boleh menyumbang idea, buah fikiran serta pengalaman berharga kepada generasi muda dan komuniti masyarakat. Secara umumnya hasil kajian ini dapat dirumuskan dalam Rajah 1:



**Rajah 1 : Kerangka Pelan Pembangunan Dakwah dalam Isu Sosiobudaya dan Kekeluargaan**

Sumber: Olahan pengkaji hasil perbincangan dengan FG dan kajian literatur

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, artikel berdasarkan kajian ini telah berjaya mengenal pasti beberapa isu SB & KK yang berlaku dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia untuk diberikan perhatian khasnya sebagai input kepada agensi Islam dalam merancang pelan pembangunan pada masa akan datang. Kajian ini telah mengambil input daripada kumpulan pakar sebagai focus group (FG) yang terdiri daripada ahli akademik, pemimpin NGO, pegawai pasukan keselamatan, ahli fatwa, Majlis Agama Islam, ahli AADK, aktivis rumah warga emas dan OKU. Manakala dalam menentukan cadangan pelan dan pemantauan program, kajian ini telah menjadikan konsep Maqasid Syariah, Wawasan Kemakmuran Bersama, Dasar Dakwah Negara, dan Pelan Intervensi Agensi Islam Persekutuan sebagai asas perbincangan dan analisis. Antara isu tersebut adalah masalah gejala sosial dalam kalangan remaja termasuklah penagihan dadah, ketagihan gajet dan alam siber, keruntuhan moral, ketidakharmonian dan tekanan dalam rumah tangga ekoran perlu membahagikan antara tanggungjawab kepada keluarga dan kerjaya, penjagaan warga emas dan anak OKU. Isu-isu tersebut telah dibincangkan dengan mengenal pasti punca dan cadangan bagi diketengahkan kepada agensi Islam untuk pelan tindakan pada masa akan datang. Antara punca yang dikenal pasti bagi isu SB & KK tersebut adalah kurangnya penghayatan beragama dalam kalangan masyarakat, pengetahuan tentang ilmu atau pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan, kegagalan membahagikan masa dan emosi dalam menyeimbangkan antara kerja, keluarga dan kehidupan, kurang memberikan perhatian dalam keluarga, kos sara hidup yang memerlukan pasangan bekerja keras, keluarga komuter atau jarak jauh dan kurang komunikasi. Beberapa inisiatif dakwah dalam bentuk preventif, intervensi dan korektif (P.I.K) telah dicadangkan oleh FG. Antaranya usaha memperkuatkan penghayatan beragama termasuk ilmu akidah dan akhlak, penjagaan solat lima waktu, pengimaranan masjid sebagai pusat kemasyarakatan, pendidikan ilmu rumah tangga dan kekeluargaan, kemahiran ilmu bahasa isyarat kepada para asatizah, pemerkasaan kaum bapa, silibus kursus pra dan pascaperkahwinan, ilmu 'birr al-walidain' iaitu berbuat baik kepada ibubapa dan menyediakan pusat kaunseling, dakwah, pengamal perubatan di tempat awam yang strategik. Manakala usaha korektif yang dicadangkan adalah rawatan dan kesedaran tentang bahaya ketagihan gajet dan usaha penguatkuasaan undang- undang terhadap pesalah. Bagi memastikan pelan dan pemantauan menghasilkan impak jangka panjang, perbincangan FG menyarankan supaya usaha dakwah tersebut dilakukan secara 4K (konsisten, kolaborasi, kerjasama dan kreatif). Iaitu secara konsisten dan bukannya bersifat one-off, berkolaborasi dengan pelbagai pihak yang lain, kerjasama daripada pelbagai anggota masyarakat termasuk golongan bukan Islam dan secara kreatif khasnya kepada bentuk program dan pengisian terutamanya dalam media sosial bagi menarik minat generasi muda.

## RUJUKAN

Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar. 2014. Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islāmmiyāt*. 36(1), 5 - 20.

A`dawiyah Ismail, Zaizul Ab Rahman, Siti Norul Huda Sheikh Abdullah, Muhammad Nuruddin Sudin, Azianura Hani Shaari & Norulhuda Binti Sarnon @Kusenin. 2018. Relationship Between Personal Empowerment And Self- Identity Development Among Adolescents In Malaysia. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik* 7(2-2): 43 – 51.

Adriana Ortega, Haslinda Abdullah & Samsilah Roslan. 2014. The Emerging Commuter Families and Changes in Psychosocial and Health Behaviour Profile. *Pertanika* 22 (4): 1021 – 1032.

Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap & Noremy Md Akhir. 2016. Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia. *Akademika* 86(1):21-30.

Azarudin Awang, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2015. Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru. *Jurnal Komunikasi*. 31(2): 47-60.

Aziyah Abu Bakar. 2015. Komunikasi Keluarga dan Pengurusan konflik: Dari Persepektif Remaja Melayu. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 17(1): 11-28.

Badrulzaman Baharom. 2006. Tingkahlaku Devian Remaja di Daerah Pontian Johor. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Johor: Fakulti Pendidikan Universiti

BH Online, 'Komitmen Kerajaan Negeri Bantu Kanak-kanak Tanpa Kerakyatan'. Selasa, 19 Mac 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/03/542721/komitmen-kerajaan-negeri-bantu-kanak-kanak-tanpa-kerakyatan-dihargai>. Dicapai pada 14 November 2019.

Diana Wulandari, Lee Jun Choi, Sawan @ Mohammad Syawal Narawi. 2018. Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah. *Journal of Education and Social Sciences*. 9(2), 11-22.

Izzah Nur Aida Zur Raffar, Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 5(2): 89-97.

Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim. 2016.

Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference On Social And Economic Development (ICSED)* 2016. 1-3 November 2016. Universiti Malaysia Terengganu.

Ma Razhanlaily Ab Razak & Salasiah Hanin Hamjah. 2017. Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja. *Sains Insani* 2(2): 1-9.

Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah (2016). Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. *Al-Qimah Al-Mudhafah, The Journal of Management and Science (ALQIMAH)*. 1(2), 1-12.

Mohamad Fazli Sabri, Nuraini Abdullah, Thinagaran Moga Dass & Othman Che Jusoh. 2018. Tingkah Laku Pengurusan Kewangan, Masalah Kewangan, Kesejahteraan Hidup dan Program Sokongan Pengguna di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Pengguna Malaysia*. 103-121.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Saedah Siraj, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor & Nor Asiah Muhamad. 2018.

Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 6 (3): 15-21. ISSN 2289-3008.

MStar, 'Banyak negara lihat Malaysia sebagai negara Islam contoh' 16 Ogos 2012. Dicapai pada 15 November 2019. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/08/16/banyak-negara-lihat-malaysia-sebagai-negara-islam-contoh--muhyiddin>. Lihat juga Laman Sesawang YADIM, 'Muslim luar negara dakwa Malaysia negara Islam contoh', 9 Mei 2019. Dicapai pada 15 November 2019. <https://www.yadim.com.my/v2/muslim-luar-negara-dakwa-malaysia-negara-islam-contoh/>.

Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat. 2018. Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(1), 1- 9.

Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail & Amelia Mohd Noor. 2019. Masalah buli dalam kalangan murid: apakah kata guru? *Jurnal Perspektif*. Jil.11 Bil.2, 1-14.

Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Syazwana Aziz. 2016. Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*. Jilid 1, 36-52.

Nurhayati Mohamad, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad & Nur Saadah Mohamad Aun. 2017. Pengalaman Sokongan Sosial Intergenerasi dalam Kalangan Warga Emas di Institusi Kebajikan Awam. *Akademika* 87(1):65-74.

Polis Diraja Malaysia, 2018.

Ramlan Jantan. 2016. Fostering Augmented Information: Analyzing Assisted Living Experience in Malaysia. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 4:47-60.

Sazlina Kamaralzaman, Teong Chia Ying, Suziyani Mohamed, Hasnah Toran, Noratiqah Satari & Nazmin Abdullah. 2018. The Economic Burden Of Families Of Children With Cerebral Palsy In Malaysia. Malaysian Journal of Public Health Medicine Special Volume (1): 156-165.

Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2017. Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al- Wasatiyyah. Akademika 87(3):195-206.

Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria. 2018. Kesan Penggunaan Gajet Kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. Jurnal Wacana Sarjana. 2(4) 1-6.

Siaw Yan Li, Samsilah Roslan, Maria Chong Abdullah & Haslinda Abdullah. 2014. Commuter Families: Parental Readiness, Family Environment and Adolescent School Performance. Procedia - Social and Behavioral Sciences 172:686 – 692.

Siti Norul Huda Sheikh Abdullah, Wan Fariza Fauzi, Muhammad Nuruddin Sudin, Nurul Nadhirah Zahari, Zaizul Ab Rahman, A'dawiyah Ismail, Nur Riza Mohd.

Suradi, Azmin Sham Rambely, Norulhuda Binti Sarnon Kusenin, Azianura Hani Binti Shaari, Samruhaizad Samian, Norhana Arsal, Mohamad Hanif Md Saad, Masnizah Mohd, Masri Ayob, Kok Ven Jyn, Khairul Akram Zainol Ariffin, Mohd Zakree Ahmad Nazri & Mohd Ridzwan Yaakub. 2018. Assessment of Self- Identity Among Teens Towards Self-Crime Prevention Program. Proceedings of the 2018 Cyber Resilience Conference, CRC 2018.

Siti Marziah Zakaria · Khadijah Alavi · Nasrudin Subhi. 2013. Risiko Kesunyian dalam Kalangan Warga Tua di Rumah Seri Kenangan. Journal of Psychology and Human Development, 1(1), 49-56

Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam e-Bangi Journal of Social Science and Humanities 12(3). Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. e-Bangi Journal of Social Science and Humanities Special Issue 1: 214-226.

Suridah Ali & Rahimah Abdul Aziz. 2018. Penjagaan Tidak Formal Warga Tua: Antara Tanggungjawab Dan Beban. e-Bangi Journal of Social Science and Humanities 13(3): 183-195.

Yusniza Mohd Yusoff, Khazriyati Salehuddin, Imran Ho Abdullah & Hasnah Toran. 2018. An Account of High-Functioning Autism Spectrum Disorder (ASD) Children Focusing on Their Language Abilities. Journal of Advance Research in Dynamical & Control Systems 10 (6):15-22.

**Senarai Dokumen**

Wawasan Kemakmuran Bersama (2030) Dasar Dakwah Negara (2015-2019)

Dasar Dakwah Negara (2015-2019)

Pelan Tindakan Dakwah Negara (2015-2019)

Pelan Intervensi Agensi Agama Persekutuan (2019-2025)

Pelan Strategik YADIM